

03 JUL 1998

MAHATHIR BELUM TAHU KEDUDUKAN TUN GHAFAR

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih belum tahu kedudukan sebenar bekas timbalannya Tun Ghafar Baba sebagai anggota Parlimen yang diisytiharkan muflis oleh Mahkamah Tinggi.

"Saya tak tahu. Saya pun tak tanya lagi (mengenai kedudukan Tun Ghafar)," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Pusat Islam di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kedudukan Ghafar sebagai anggota Parlimen Jasin, Melaka selepas pengisytiharan mahkamah itu.

Mengikut Perlembagaan dan Undang-undang Am Bab 4 Perundangan Persekutuan, antara sebab seseorang anggota Parlimen hilang kelayakan menjadi anggota Parlimen ialah sekiranya beliau diisytiharkan muflis.

Selasa lepas, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisytiharkan Ghafar, 73, muflis selepas gagal membayar RM500,000 kepada seorang pengarah Syarikat Pengkalen Holdings Berhad, Datuk Choong Kok Min.

Selain Ghafar, anaknya, Mohd Tamrin juga diisytiharkan muflis oleh mahkamah yang sama selepas gagal membayar RM1.5 juta kepada Choong.

-- BERNAMA

HS RAZ RON